

ALLAH DALAM 'AQIDAH ISLAMIAH

(الله في العقيدة الاسلامية)

Oleh:
AL-IMAM ASY-SYAHID HASAN AL-BANNA

Alihbahasa Oleh:
AL-USTAZ HAJI FAUZI HAJI AWANG

PUSTAKA AMAN PRESS SDN. BHD.

MUQADDIMAH

Saya teragak seketika untuk memilih perkataan pertama dalam membicarakan topik ini, iaitu "Al'Aqa'id". Apakah akan saya tulis berkenaan soal "adDin-Agama", apakah dia yang dikatakan "ad-Din" itu? dan apakah hubungannya dengan individu dan masyarakat, dan apakah kesan-kesannya terhadap dua perkara tersebut dan sejauh manakah keperluan kedua-duanya itu terhadap agama? Atau apakah akan saya tulis mengenai sejarah pertumbuhan al-'Aqa'id dalam Islam, dan soal-soal yang ada hubungan dengannya dengan pendekatan yang menyentuh persoalan-persoalan politik, kemasyarakatan, dan alam pemikiran, dengan menggambarkan corak dan warna yang berlaku sepanjang masa persejarahan umat Islam?, atau apakah akan saya terus masuk menulis membicarakan bidang 'aqa'id sekadarnya yang dapat memberi kesan yang mendalam iaitu aqidah kepercayaan kepada "Allah". Akhirnya saya berpendapat elok saya memilih segi yang terakhir mi, dan inilah yang menjadi bidang tulisan ini, insya Allah.

KANDUNGAN

Bab		Halaman
	Pendekatan Bahasan	6
1.	Unsur-unsur Aqidah Islamiah	5
2.	Perkembangan Aqidah Ketuhanan	12
3.	Aqidah Ketuhanan Yang Salah Di Kalangan Umat Manusia	25

PENDEKATAN BAHASAN

Saya tidak akan menggunakan istilah-istilah ilmiah yang digunakan oleh alim ulama yang ahli dalam bidang Ilmu-Kalam, dan juga saya tidak akan mengharungi dalam teori-teori yang bercorak falsafah atau cara-cara mantik yang biasa digunakan oleh ulama Mutakallimun ketika mereka memperkatakan maudu'-maudu' yang seperti ini, tetapi saya akan terus merujuk kepada Al-Quranul-Karim dan kepada As-Sunnah Al-Mutahharah dan kepada apa yang kita ketahui daripada sirah perjalanan golongan mu'min dalam peringkat permulaan dahulu, kerana mereka itu tidak syak lagi adalah manusia yang paling bersih dan segi kejadian, dan mempunyai hati yang lembut, mempunyai tanggapan yang halus terhadap soal-soal agama, dan lebih mengetahui dengan penggunaan lafaz-lafaz, rangkaikata-rangkakata dan susunan-susunan ayat Al-Quran dan Al-Hadis, mereka juga memiliki kemanisan citarasa menganggap sehalus-halus makna dan perasaan-perasaan. Justeru itu, jadilah mereka sebagai contoh yang sempurna bagi orang-orang Islam seluruhnya.

Sekarang ini tergambar kepada saya dua golongan orang-orang Mu'min: Golongan peringkat permulaan di zaman Rasulullah s.a.w. yang telah menerima aqidah Islamiah melalui kata-kata yang mudah difahami, yang segar dan hidup gambarannya, penuh dengan perasaan, indah susunannya dan mengandungi kekuatan batin, serta mengarahkan kepada amal salih yang membuahkann faedah. Jadi, tidaklah diketahui ada jalan lain untuk mengenal erti iman selain daripada apa yang telah digambarkan oleh kitab Suci Al-Quran dalam firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman. Orang-orang yang khusyu dalam solat mereka. Dan yang berpaling daripada perkara sia-sia. Dan yang mengeluarkan zakat. Dan yang memelihara kemaluan mereka. Kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba yang mereka miliki, maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela. Maka barangsiapa mencari yang disebalik itu, maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas. Dan orang-orang yang memelihara amanah-amanah dan janji-janji mereka. Dan orang-orang yang memelihara solat mereka. Mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi. Yang akan mewarisi Syurga Firdaus. Mereka kekal di dalamnya. (Al-Mu'minun: 111)

Golongan yang kedua ialah orang-orang Mu'min yang berada dalam zaman yang akhir yang telah mempelajari aqidah Islamiah melalui istilah-istilah falsafah yang berbelit-belit dan kata-kata ilmiah yang beku dan mati, menumpulkan tenaga otak dan meletihkan akal fikiran, menjemukan semangat, menjadikan fikiran bersimpang siur di lembah-lembah yang penuh dengan

andaian-andaian, khayalan-khayalan, permasalahan-permasalahan, bahasan-bahasan muqaddimah dan hasil natijah yang tidak berkesudahan. Umpamanya dikemukakan soal-soal seperti: Apakah Iman itu? Apakah perbezaan antara iman dengan tasdiq? Adakah iman itu bertambah atau berkurang? Adakah iman itu ialah Islam, atau dia itu lain? Apakah ada di antara keduanya itu perkara umum dan perkara-perkara khusus? Adakah amal itu menjadi syarat di dalam iman, atau suatu rukun daripada rukun-rukunnya, ataupun suatu yang lazim baginya?, dan lain-lain lagi daripada persoalan-persoalan akal dan gambaran fikiran yang tidak ada hubungan dengan nur di dalam hati dan sinaran cahaya di dalam diri serta pengarahannya kepada beramal.

Dengan tergambarannya kepada saya dua golongan itu, maka saya mengambil keputusan dan berkeyakinan bahawa kita wajib segera kembali kepada apa yang telah dilalui oleh orang-orang Islam kita yang solih-solih dahulu dan menyedut aqidah Islamiah dan sumber yang hening jernih yang tidak ada sebarang kesamaran dan kerumitan di dalamnya. Tepat sekali sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Malik, sabdanya:

Ertinya:

Telah ku tinggalkan pada kamu dua perkara, kamu sekali-kali tidak akan sesat selama kamu berpegang kepada kedua-duanya, iaitu: Kitabullah dan Sunnah RasulNya s.a.w.

Oleh sebab itulah, saya memilih pendekatan ini dalam membentangkan tulisan ini, wabillahir-taufiq.

BAB I

UNSUR-UNSUR AQIDAH ISLAMIAH

Aqidah kepada "Allah" dalam Islam terbentuk daripada unsur-unsur berikut ini:

1. Ber'itiqad dengan kewujudan Allah Yang Wajib bagi zatNya, Yang tidak mengambil daripada lainnya. Allah s.w.t. bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan (Al-Kamal), yang semuanya itu kita ambil kesimpulan atau natijah daripada menyaksikan alam semesta ini.

Allah Tabaraka wa Ta'ala itu wajib ada, bersifat dengan 'ilmu (Al-'Ilm), kudrat (Al-Qudrah), hidup (Al-Hayah), mendengar (As-Sam'u), melihat (Al-Basar), bersifat dengan sifat-sifat Jamal (keindahan), Bijaksana (Al-Hikmah), berkehendak (Al-Iradah) dan seterusnya. Yang demikian itu adalah jelas dan dimaklumi dengan pengetahuan yang yakin bagi setiap mereka yang merenung dan meneliti kepada alam semesta yang indah ciptaannya ini, maka Penciptanya itu tentulah Maha Bijaksana (hakim), kerana telah begitu terang sekali rahsia-rahsia kebijaksanaan mi terkandung di dalam sekalian makhluk mi. Dia juga Maha Kuasa, Maha Mengetahui dengan sepenuh makna ilmu dan qudrat yang setinggi-tingginya, kerana alam semesta yang indah ini tidak mungkin terjadi melainkan dengan sebab ilmu yang luas dan qudrat yang meliputi. Al-Quranul-Karim mengulangi akan sifat-sifat mi dalam berbagai-bagai tempat yang munasabah. Di antara ayat-ayatnya yang lengkap menerangkan sifat-sifat ini adalah tersinting pada akhir surah Al-Hasyr, iaitu:

Ertinya:

Dialah Allah Yang tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Mengetahui yang ghaib dan yang nyata, Dialah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dialah Allah Yang tiada Tuhan melainkan Dia, Raja, Yang Maha Quddus. Yang Maha Sejahtera, Yang Mengurniakan Keamanan, Yang Maha Memelihara, Yang Maha Perkasa, Yang Maha Kuasa, Yang Memiliki Segala Keagungan, Maha Suci Allah dan apa yang mereka persekutukan. Dialah Allah Yang Menciptakan, Yang Mengadakan, Yang Membentuk Rupa, Yang Mempunyai Naina-Nama Yang Paling baik. Bertasbih kepadaNya apa yang ada di langit dan di bumi. Dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha BUaksana.

(Al-Hasyr: 22-24).

2. Menafikan sifat-sifat keserupaan (Al-Musyabahah) dan sifat kekurangan daripada Tuhan Pencipta (Al-Khaliq) s.w.t. Maka sifat berjisim itu ternafi daripada Allah kerana benda itu berubah-ubah, sedang Al-Khaliq jauh

sekali daripada sifat-sifat berubah; dan sifat berbilang-bilang juga ternafi daripadanya, kerana sifat berbilang itu bersusun, sedang Tuhan pasti Esa. Sementara sifat kebapaan (menjadi bapa) dan keanakan (ada anak), keduanya jauh daripada sifatNya kerana kedua-dua sifat itu berbahagi-bahagi dan berpisah-pisah, sedangkan Al-Khaliq tidak berjuzu'-juzu' dan begitulah seterusnya. Al-Quranul-Karim mengakui hal ini dengan jelas dan membahaskannya dengan cara logik yang halus dan hujjah yang memuaskan. Dalam menafikan sifat-sifat keserupaan, Al-Quran menjelaskan:

Ertinya:

(Dia) Pencipta langit dan bumi. Dia menjadikan bagi kamu dari jenis kamu sendiri pasangan-pasangan dan dari jenis binatang ternak pasangan-pasangan (pula), dijadikannya kamu berkembang biak dengan jalan itu. Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia, dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

(Asy-Syura: 11)

Ertinya:

Katakanlah: "Dialah Allah, Yang Maha Esa". Allah adalah Tuhan yang bergantung kepadaNya segala sesuatu. Dia tidak beranak dan tiada pula diperanakkan. Dan tidak ada seseorang pun yang setara dengan Dia".

(Al-Ikhlâs: 1-4).

Dalam menafikan sifat berbilang-bilang, Al-Quran menerangkan:

Ertinya:

Apakah mereka mengambil tuhan-tuhan dari bumi, yang dapat menghidupkan (orang-orang mati)? Sekiranya ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan selain Allah, tentulah keduanya itu telah rosak binasa. Maka Maha Suci Allah Yang mempunyai 'Arasy daripada apa yang mereka sifatkan.

(Al-Anbiya': 21-22)

Dalam menafikan sifat beranak pinak dan berbilang-bilang, Al-Quran menjelaskan:

Ertinya:

Allah sekali-kali tidak mempunyai anak, dan sekali-kali tidak ada tuhan (yang lain) bersertanya, kalau ada tuhan bersertanya, masing-masing tuhan itu akan membawa makhluk yang diciptakannya, dan sebahagian daripada tuhan-tuhan itu akan mengalahkan sebahagian yang lain. Maha Suci Allah dan apa yang mereka sifatkan itu.

(Al-Mu'minun: 91).

Keterangan-keterangan yang seperti ini dapat kita lihat dengan jelas dalam banyak ayat Al-Quran yang membincangkan mengenai aqidah umat-umat yang lampau. Ayat-ayat itu menafikan segala sifat yang membawa kekurangan, penyerupaan dan yang menunjukkan kelemahan Al-Khaliq s.w.t.

3. Aqidah Islamiah sama sekali tidak menyentuh tentang hakikat dan keadaan zat dan sifat-sifat Allah s.w.t., tetapi sebaliknya dengan cara yang hati-hati dan halus menetapkan segi perbezaan dengan ertikata yang sebenarnya antara keadaan zat Tuhan dan sifatNya dengan keadaan makhluk-makhluk dan sifat-sifat mereka.

Dalam Surah Al-An'am, Al-Quran menjelaskan:

Ertinya:

(Yang memiliki sifat-sifat yang) demikian itu ialah Allah Tuhan kamu; tidak ada Tuhan melainkan Dia; Pencipta segala sesuatu, maka sembahlah Dia; dan Dia adalah Pemelihara segala sesuatu. Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan; dan Dialah Yang maha Halus lagi Maha Mengetahui. (Al-An'am: 102 -103)

Hadis pula menerangkan:

Ertinya:

Fikirkanlah tentang keadaan makhluk Allah, tetapi jangan kamu memikirkan tentang zat Allah, nanti kamu akan binasa.

Memang suatu perkara yang jelas bahawa sikap yang demikian itu tidak boleh sedikit pun disalahkan kepada Islam, dan tidak boleh dikatakan bahawa Islam merupakan batu penghalang yang menyekat akal dan mengurangi kebebasan berfikir kerana akal manusia adalah merupakan tiang atau tonggak aqidah di dalam Islam, namun demikian, sehingga hari ini ia tetap merupakan pendirian atau keadaan lemah yang mutlak berhadapan dengan hakikat semua benda. Segala apa yang telah dapat ditanggap olehnya hanyalah perkara-perkara yang tertentu sahaja dan setengah-setengah sifat dan kesan-kesan yang zahir semata-mata. Adapun unsur-unsur abstrak belum lagi dapat dicapainya. Islam tidaklah memaksa atau memberatkan manusia untuk mencapai sesuatu yang tidak mampu ditanggap oleh akal dan kefahaman manusia.

4. Aqidah Islamiah menggariskan jalan ke arah mengenal sifat-sifat Al-Khaliq dan mengetahui sifat-sifat kesempurnaan ketuhanan, keistimewaan-keistimewaan dan kesan-kesannya. Untuk sampai kepada yang demikian itu mestilah dengan merenung dan memerhati alam jagat ini dengan pandangan yang betul dan membebaskan akal fikiran daripada kepercayaan-kepercayaan yang dipusakai dan datuk nenek, daripada hawa nafsu dan tujuan-tujuan tertentu sehingga dapat mencapai kepada hukum yang betul dan tepat. Al-Quranul-Karim sentiasa menggalakkan supaya memerhatikan kejadian alam dan meneliti keadaan makhluk-makhluk. Al-Quran juga telah mengangkat dan menyanjung tinggi nilai akal dan meninggikan darjat akal sehingga menyebut

akan "akal" lebih daripada empat puluh tempat, disertai dengan sanjungan dan pujian. Di samping itu Al-Quran juga menggalakkan supaya bersungguh-sungguh untuk mencapai hakikat benda-benda dan menyingkap rahsia alam yang terselindung dan tersirat di sebalik alam nyata ini, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dan langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)-nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.

(Al-Baqarah: 164).

Dan firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal (iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Yang Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dan siksa neraka.

(Ali 'Imran: 190-191).

Dan firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Tidakkah kamu melihat bahawa Allah menurunkan hujan dan langit lalu Kami keluarkan dengan hujan itu buah-buahan yang beraneka macam jenisnya. Dan di antara bukit-bukit itu ada garis-garis putih dan merah yang beraneka macam warnanya dan ada (pula) yang hitam pekat. Dan demikian (pula) di antara manusia, binatang-binatang melata dan binatang-binatang ternak ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hambanya, hanyalah ulama.

(Fatir: 27-28)

Dalam ayat yang akhir ini Al-Quran menggalakkan manusia supaya menyelidik dan menyingkap rahsia tumbuh-tumbuhan, haiwan dan kejadian-kejadian yang tidak bernyawa, dan sebagai natijah daripada penyelidikan itu timbul rasa takut kepada Allah. ini menunjukkan bahawa mengetahui rahsia alam, mengenal dan mengetahui Allah yang menciptakan alam ini, dan mengenal Penciptanya dan mengenal benda-benda yang diciptakanNya itu adalah mempunyai hubungan antara satu sama lain yang tidak boleh dipersiakan.

5. Aqidah Islamiah menguatkan hubungan antara perasaan hati manusia dengan Al-Khallq Jalla wa 'ala, sehingga dengan demikian itu manusia akan sampai kepada suatu jenis ma'rifat rohaniah yang paling manis dan yang paling tinggi daripada jenis-jenis ma'rifat semuanya. Ini ialah kerana perasaan hati manusia adalah lebih mampu untuk menyingkap rahsia-rahsia alam yang terselindung selain daripada benda-benda yang dapat difikirkan secara terbatas, yang hanya dapat dijangka oleh perasaan pancaindera.

Oleh sebab itulah Islam sering mengutarakan arahannya kepada perasaan hati manusia dan membangkitkan kekuatan batin yang tersembunyi di dalam jiwa manusia supaya memuncak tinggi sampai ke Hadrat Ilahi dan menikmati kelazatan Ma'rifatullah Tabaraka wa Ta'ala, sebagaimana dinyatakan oleh firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah, hati menjadi tenteram. (Ar-Ra'd: 28).

Lebih tegas lagi wujudnya hubungan yang tersembunyi antara hati nurani manusia dengan Al-Khaliq, ialah ketika berlakunya kesusahan-kesusahan yang mencemaskan, yang membuatkan putus segala harapan kecuali kepada Allah s.w.t. sahaja. Al-Quran menggambarkan keadaan ini sebagaimana firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Dan apabila kamu ditimpa bahaya di lautan, nescaya hilanglah siapa yang kamu seru, kecuali Dia ... (Al-Isra': 67).
Dan firmanNya:

Ertinya:

Dialah yang menjalankan kamu di daratan dan di lautan. Sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera, dan meluncurlah bahtera itu membawa orang-orang yang ada di dalamnya dengan tiupan angin yang baik, dan mereka bergembira kerananya, datanglah angin badai, dan gelombang dan segenap penjuru menimpa mereka dan mereka yakin bahawa mereka telah terkepung (bahaya), maka mereka berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan ketaatan kepadaNya semata-mata. (Mereka berkata): 'Sesungguhnya jika Engkau menyelamatkan kami dan bahaya ini, pastilah kami akan termasuk orang-orang yang bersyukur". (Yunus: 22)

6. Aqidah Islamiah menuntut orang-orang Mu'min supaya kesan-kesan daripada unsur-unsur aqidah ini dijelma atau dimanifestasikan dalam tuturkata dan segala perbuatan mereka. Seseorang mu'min itu bila telah beritiqad bahawa Tuhan yang menjadikannya itu bersifat Maha Kuasa, maka sebagai natijah secara praktik dan akidah ini hendaklah ia bertawakkal sepenuhnya kepada Allah menumpukan segala harapan kepadaNya; dan apabila ia beritiqad bahawa Allah itu Maha mengetahui, tentulah ia sentiasa berhati-hati terhadapNya dan sentiasa diliputi rasa takut kepada Allah untuk melakukan sebarang maksiat; dan apabila ia beritiqad bahawa Allah itu Esa, tentulah ia tidak memohon selain daripadaNya dan tidak meminta kepada yang lain daripada Allah, dan tidak pula menghadap atau menghalakan mukanya melainkan kepada Allah, dan begitulah seterusnya. Ayat-ayat Al-Quran yang menerangkan keadaan ini memanglah banyak, umpamanya firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah mereka yang apabila disebut Allah, takutlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, bertambahlah iman mereka dan kepada Tuhanlah mereka bertawakkal. (Iaitu) orang-orang yang mendirikan solat dan yang menafkahkan sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Itulah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan memperoleh beberapa darjat ketinggian di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta rezeki yang mulia. (Al-Anfal: 2-4).

Dengan ringkasan dan gambaran yang indah dan halus ini, Islam telah merangkumkan segala apa yang berkaitan dengan masalah akidah terhadap Allah Ta'ala dan telah meletakkan suatu sekatan yang menahan daripada segala keadaan meraba-raba, penyelewengan, soal-soal falsafah yang palsu dan perdebatan-perdebatan yang remeh dalam semurni-murni aqidah dan sepenting-pentingnya dalam kehidupan manusia baik kehidupan duniawi maupun ukhrawi.

Saya anggap bahawa orang-orang yang benar-benar memahami dengan pengertian sebagaimana yang diterangkan ini serta menikmati cita rasanya yang sungguh-sungguh, tidak lagi perlu menghafal sifat-sifat wajib bagi hak Allah Ta'ala yang tiga belas sifat itu, iaitu:

- | | |
|-------------------------------------|-----------|
| 1. Wujud | 8. Iradat |
| 2. Qidam | 9. 'Ilm |
| 3. Baqa' | 10. Hayat |
| 4. Mukhalafatuhu Taala lil-hawadith | 11. Sama' |
| 5. Qiyamuhi bi-nafsi-hi | 12. Basar |
| 6. Qudrat | 13. Kalam |
| 7. Wahdaniyyah | |

dan baki lain-lain sifat dua puluh itu, sifat-sifat mustahil bagi hak Allah Ta'ala, iaitu lawan kepada sifat-sifat wajib, dan juga sifat hams, iaitu membuat segala yang mungkin atau pun tidak membuatnya sebagaimana kita telah menghafalnya dahulu.

Mereka juga tidak lagi berkehendakkan kepada kupasan yang panjang lebar ketika membicarakan masalah-masalah furu' (cawangan) yang berhubung dengan soal aqidah seperti bahasan mengenai sifat-sifat dan nama Tuhan, adakah iaitu "Tauqifiyyah - (ketetapan oleh syara'), atau merupakan perkara kias dan segala kaitan sifat-sifat itu adakah "Al-Musamma - " (yang dinamakan) itulah "Ainul Ismi - " (Zat Nama itu) atau lainnya; dan adakah beramal itu menjadi syarat pada iman atau bukan syarat padanya dan lain-lain lagi daripada soal-soal yang lebih banyak berhubung dengan falsafah dan bahasan akal daripada berhubung dengan aqidah dan ketenangan hati.

Pesanan saya kepada para pembaca yang mulia hendaklah memerhati dan meneliti tujuan-tujuan murni yang telah diterangkan di atas ketika membaca Kitab Suci Al-Quran dan hendaklah bersungguh-sungguh memahami kandungan Al-Quran ketika membacanya dengan cara memerhatikan maksud-maksudnya itu di bawah sinaran cahaya panduan Al-Quran. Dengan berbuat demikian, anda akan dapat merasa kelazatan dan pancaran cahaya yang tidak ada tuluk bandingnya.

Adapun tentang pendapat orang-orang yang ingkar dan golongan mulhid (atheis), dan bagaimana hendak menolak pendapat mereka itu, akan saya bentangkan dalam huraian berikut, insya Allah.

BAB II

PERKEMBANGAN AQIDAH KETUHANAN

Pengenalan

Orang-orang yang ingkar terhadap ayat-ayat Allah, berkata: "Bahawa asas aqidah Ketuhanan" itu adalah merupakan satu macam "kelemahan manusia" yang telah menguasai manusia pertama dahulu ketika mendapati dirinya kesepian di atas muka bumi ini, merayau dan sebuah gua ke sebuah gua, takut dirinya menjadi mangsa binatang buas, terasa sepi, gerun dan bingung berdepan dengan peristiwa-peristiwa alam yang ganjil pada pendengaran dan penglihatannya; sementara itu ia mencari perkara-perkara yang berguna dan yang menjadi keperluan hidup seharian, terdiri daripada makanan, minuman dan sesuatu untuk memanaskan badannya dengan apa jua jalan memperolehnya. Kadang-kadang ia juga merasa rehat dan lazat dalam melakukan pekerjaan-pekerjaan dan melihat pemandangan-pemandangan, sebagaimana ia juga merasa sakit dan penat ketika mengerjakan pekerjaan dan melihat pemandangan-pemandangan yang lain. Semuanya itu mendorong dirinya merasa takut dan ngeri terhadap benda-benda yang lebih kuat daripadanya, dan gemar kepada benda-benda yang berfaedah dan berguna kepadanya, dan tertarik kagum terhadap benda-benda yang menggembirakan hati dan menenangkan jiwanya. Lalu ia tunduk kepada suasana-suasana yang tersebut itu dan zahirlah bentuk tunduknya itu dalam rupa pengabdian dan bertuhan. Justeru itu iapun menyembah dan bertuhankan kepada berbagai-bagai haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Ia juga menyembah dan bertuhankan orang-orang yang lebih kuat daripadanya, menyembah dan bertuhankan matahari, bulan, bintang dan planet-planet, membuat patung-patung dan lambang-lambang, dan mereka cipta berbagai-bagai gambar dan upacara penyembahan untuk menggambarkan perasaan-perasaan hati terhadap penyembahan tersebut. Ia menyembah dan bertuhankan api dan cahaya, kebaikan dan kejahatan. Untuk semuanya itu didirikanlah rumah-rumah penyembahan.

Kemudian datanglah rasul-rasul mengeksploitasi dan mengambil kesempatan dalam hidup manusia dengan menggunakan kepercayaan manusia yang tersebut itu lalu mengemukakan kepada manusia akan aqidah mengenai "Allah", sedangkan aqidah yang dikemukakannya itu hanyalah suatu perkara khayal dan waham yang tidak pun wujud dan tidak ada hakikat, hanya dipercayai oleh orang-orang bodoh tepi jalan yang terpedaya dengan sangkaan-sangkaan yang subur dengan perkara-perkara dongeng. Adapun orang-orang

yang bijak pandai (mengikut pandangan orang-orang yang tidak bertuhan itu) yang berpendirian tegap di atas kuasa lojik dan buah fikiran, yang bersuluh dengan hasil-hasil kajian akal, mereka itu sama sekali tidak menghargai dan menilai terhadap fikiran-fikiran dan kepercayaan tersebut, lebih-lebih lagi kerana belum ada seorang manusia pun yang pernah melihat Tuhan dengan mata kepalanya dan tidak pula dapat dijangkau dengan mana-mana pancainderanya, sedangkan pancaindera itu adalah alat utama untuk ma'rifat dan mendapatkan pengetahuan yang tidak ada keraguan pun.

Mereka juga berkata: "Sesungguhnya kepercayaan atau aqidah bertuhan mi mendatangkan keburukan dan kerosakan kepada masyarakat, kerana ia mengajar manusia menjadi malas dan bertawakkal, redha dengan kezaliman, sabar atas kehinaan, dan memperdayakan orang ramai daripada mendapat hak mereka di dalam hidup dengan kesan-kesannya yang membawa kepada kelemahan dan menyerah kalah, hanya tertunggu-tunggukan ketetapan qadha' dan menyerah kepada takdir", oleh sebab itulah setengah-setengah ahli falsafah kebendaan menamakan aqidah-aqidah dan agama-agama itu sebagai "Candu Rakyat".

Oleh sebab itu golongan tidak percayakan Tuhan, menjadikan program utama mereka untuk membaiki masyarakat ialah memerangi "agama" dan membasmikan aqidah-aqidah agama dan dada para penganutnya dengan apa cara sekalipun. Mereka dengan sangkaan-sangkaan palsu mereka itu cuba hendak menghancurkan aqidah Ketuhanan yang betul dan terang nyata tempat terbitnya, dan asal usulnya, mulia natijah dan besar kesannya itu. Sesungguhnya sekali-kali mereka tidak akan berjaya meruntuhkannya, kerana fahaman mereka yang palsu itu tidak dapat bertahan di hadapan kebenaran, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Sebenarnya Kami lontarkan yang hak kepada yang batil lalu yang hak itu menghancurkannya, maka dengan serta merta yang batil itu lenyap. Dan kecelakaanlah bagi kamu dan apa yang kamu sifatkan. (Al-Anbiya': 18)

Inilah undang-undang alam yang tidak pernah salah selama-lamanya. Allah s.w.t. menegaskan:

Ertinya:

Adapun buih itu, akan hilang sebagai sesuatu yang tak ada harganya; adapun yang memberi manfaat kepada manusia, maka ia tetap di bumi. (Ar-Ra'd: 17)

Mengapa Dikatakan Waham Dan Tidak Fitrah?

Kepada golongan yang tidak bertuhan ini, kami berkata: Kamu mengatakan perasaan yang memerlukan kepada pertolongan, bantuan, ketenangan dan ketenteraman itu sebagai waham dan khayal, sebenarnya kamu tidak mempunyai dalil untuk menguatkan pendapat kamu itu, hanya semata-mata andaian dan keras kepala, dan sengaja memutar belit dan memainkan kata-kata. Mengapa tidak dikatakan semua perasaan-perasaan itu ialah suatu "Fitrah Manusia" yang telah dijadikan oleh Allah di dalam diri manusia, iaitu suatu hakikat yang tidak ada waham dan khayal bersamanya? Maka dengan sebab itu, manusia memerlukan kepada tuntutan-tuntutan kebendaan yang boleh menampung hidupnya dan segi jasmani, dan begitulah juga ia memerlukan kepada tuntutan-tuntutan untuk kesempurnaan rohaniannya. Perasaan-perasaan atau naluri-naluri seperti perasaan takut, gerun, kasih sayang, belas kasihan, rasa senang, lezat dan gembira, semuanya merupakan jalan-jalan yang membawa kepada ketinggian jiwa dan rohani manusia yang tidak boleh seseorang itu mencapai tangga kesempurnaan dalam hal tersebut kecuali apabila ia mengenal "Allah". Allah s.w.t. berfirman:

Ertinya:

Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah), (iaitu) fitrah Allah yang Ia ciptakan manusia di atasnya. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. Itulah agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. Dengan kembali bertaubat kepada Nya dan bertakwalah kepadaNya, serta dirikanlah solat dan janganlah kamu jadi dari golongan musyrikin. Iaitu orang-orang yang memecah belah agama mereka dan mereka menjadi beberapa golongan. Tiap-tiap golongan berbangga dengan apa yang ada pada sisi mereka. (Ar-Rum: 30-32)

Fitrah Merupakan Dalil Pertama

Sesungguhnya perasaan-perasaan ini yang dianggap oleh orang-orang yang tidak ber-Tuhan itu sebagai dalil tenggelam dalam alam waham dan khayal, adalah sebaliknya bagi orang Mu'min. Mereka berpendapat fitrah yang di dalam jiwa itu adalah dalil utama atas wujudnya Allah s.w.t. dan atas kebesarannya. Kepercayaan ini sebenarnya telah berakar umbi dalam jiwa umat manusia seluruhnya, kecuali mereka yang telah songsang fitrahnya, sakit dan berpenyakit hatinya lalu mereka tersesat jalan. Orang-orang Mu'min juga memandangnya sebagai sumber atau mata air yang jernih bersih bagi Ma'rifatullah.

Manusia hanya berselisih dalam approach aqidah mengenali "Allah", tetapi mereka tidak berselisih, baik di zaman lampau atau zaman moden ini

tentang beriman dengan wujudNya Allah dan kebesarannya, dan juga wajib mengenalNya serta berhubung denganNya.

Kumpulan umat manusia yang sehingga hari ini telah mencapai bilangan ribuan juta jiwa tidak pernah sunyi dalam kehidupan suatu umat mana pun daripada upacara menyembah "Allah" walaupun bagaimana cara dan upacara yang dilakukan oleh mereka.

Sepanjang sejarah umat manusia seluruhnya, tidak sunyi barang sehari pun daripada "Aqidah kepercayaan WujudNya Tuhan". Bahasa-bahasa dunia, sama ada di zaman purba ataupun zaman sekarang ini yang berbagai-bagai gaya pertuturannya dan asal usulnya itu, tidak pernah cuai daripada menggambarkan pergolakan dan perasaan jiwa manusia berhubung dengan aqidah ketuhanan dan perasaan yang berhubung dengan Allah. Semuanya ini menunjukkan bahawa aqidah kepercayaan kepada Allah Al-Khaliqul 'Azim itu adalah fitrah semula jadi yang telah bersepadu dengan manusia sejak mereka dijadikan. Tepat sekali Allah menerangkan dengan firmanNya:

Ertinya:

Dan (ingatlah) ketika Tuhan Mu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): 'Bukankah Aku ini Tuhan kamu?' Mereka menjawab : "Betul" (Engkaulah Tuhan kami).

(Al-A'raf: 172)

Seorang lelaki pernah bertanya kepada Ja'far As-Sadiq r.a. berkenaan "Allah". Untuk menjawabnya, ia bertanya kembali:

"Tidak pernahkah anda belayar di laut?"

"Pernah", jawab orang itu.

"Pernahkah anda dilanda ribut taufan?"

"Ya, pernah", jawabnya lagi.

"Pada ketika itu, adakah anda merasa putus harapan daripada kelasi-kelasi dan alat-alat penyelamat?"

"Ya".

"Adakah terlintas di hati anda dan tercetus di dalam jiwa anda pada ketika itu bahawa di sana ada Yang Kuasa menyelamatkan anda jika Ia mahu?"

"Ya, ada", jawab orang itu.

"Itulah Dia Allah Ta'ala.

Keadaan dan peristiwa yang seperti inilah yang diisyaratkan oleh Al-Quran:

Ertinya:

Dan apabila kamu ditimpa bahaya di lautan, nescaya hilanglah siapa yang kamu seru, kecuali Dia".

(Al-Isra': 67)

Dan firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Dialah Yang menjalankan kamu di daratan dan di lautan. Sehingga apabila kamu berada dalam bahtera, dan meluncurlah bahtera itu membawa orang-orang yang ada di dalamnya dengan tiupan angin yang baik, dan mereka bergembira kerana, datanglah angin badai, dan gelombang dari segenap penjuru menimpa mereka, dan mereka yakin bahawa mereka telah terkepung (bahaya), maka mereka berdo'a kepada Allah dengan mengikhlaskan ketaatan kepada Nya semata-mata, (Mereka berkata): "Sesungguhnya jika Engkau menyelamatkan kami dari bahaya ini, pastilah kami akan termasuk orang-orang yang bersyukur".

(Yunus: 22)

Dalil Yang Mudah

Oleh kerana tempat terbit yang pertama bagi aqidah kepercayaan kepada Allah itu ialah fitrah insaniyyah (sifat semula jadi manusia), maka setengah-setengah ahli falsafah berpendapat bahawa wujudNya Allah s.w.t. dan segala perkara yang berhubung dengan kewujudanNya termasuklah keagunganNya yang am. Semuanya adalah perkara yang tabi'i yang tidak berkehendakkan kepada sesuatu dalil. Selepas itu datanglah Rasul-rasul dan turun pula kitab-kitab untuk memimpin manusia ke arah perkara-perkara yang lain daripada itu seperti sifat kesempurnaan bagi Allah, dan sifat-sifat yang wajib bagi Tuhan Al-Khaliq bersih daripadanya, iaitu segala sifat kekurangan yang tidak layak bagi keagungan Allah, juga untuk memandu mereka itu kepada hak Tuhan ke atas mereka itu, dan menunjukkan sempadan-sempadan hubungan manusia dengan Allah dan hubungan Allah dengan mereka.

Bukanlah perkara ganjil bahawa akal manusia itu percaya atau hati manusia itu beriman dengan sesuatu perkara itu dengan tidak memerlukan kepada sesuatu dalil dan alasan. Begitulah juga halnya dalam setiap masalah yang mudah atau perkara biasa yang menjadi bahan pertama bagi ilmu pengetahuan dan perasaan-perasaannya. Sebagai contoh, keseluruhan tentulah lebih besar daripada sebahagian, satu, setengah daripada dua, dan sifat yang berlawanan itu tetap tidak akan bertemu. Semuanya ini adalah merupakan hakikat pasti yang tidak perlu kepada dalil.

Antara Dalil-Dalil Kebenaran Aqidah Kepada Allah

Sebenarnya dalil-dalil yang menunjukkan kebenaran aqidah kepada Allah s.w.t.: wujudNya, keagunganNya, Keindahan sifat-sifatNya, BersihNya daripada segala sifat kekurangan, sebaliknya wajib bersifat dengan setiap kesempurnaan, adalah terlalu banyak tidak terkira. Semuanya jelas dan nyata terjelma pada setiap lembaran alam jagat ini, menjadi fenomena pada setiap gejala alam, sebagaimana gambaran puisi berikut:

Perhatikanlah garis-garis alam,
Ianya datang daripada Tuhan Khaliqul 'Alam,
Kepada anda sebagai utusan.
Telah tertera segala kebesaran,
Pada setiap baris jika diperhatikan,
Duhai, segala perkara,
Selain Allah palsu belaka.

Adanya makhluk-makhluk yang berlainan tabiat dan sifat-sifatnya serta mempunyai undang-undang dan peraturan yang tertentu ini, adalah menjadi dalil yang pasti menunjukkan wujudnya Allah yang menjadikannya, menunjukkan kekuasaan dan keagunganNya. Wujudnya keseimbangan yang mengkagumkan, adanya hubungan yang menakjubkan perkaitannya dan hubungannya antara satu sama lain, adanya perbezaan dan susunan yang tertentu, terdapat berlainan nisbah unsur-unsur dan atom-atom di dalamnya, adalah menjadi dalil yang menunjukkan betapa luasnya IlmuNya dan Mutlak IradatNya. Tentulah mustahil kiranya "benda" mati atau kebetulan yang membabi buta menjadi punca terbitnya hidup-hidupan yang mempunyai tenaga merasa dan bergerak ini. Sebenarnya punca terbitnya keseimbangan dan keselarasan antara benda-benda alam ini ialah ciptaan Allah yang menjadikan segala perkara itu dengan serapi-rapinya. Allah s.w.t. berfirman:

Ertinya:

Engkau sekali-kali tidak melihat pada ciptaan Tuhan Yang Maha Pemurah
sesuatu yang tidak seimbang. (Al-Mulk: 3)

Antara Pengakuan Ahli-Ahli Sains

Inilah sebabnya yang menjadikan pakar-pakar kejadian alam ini merupakan orang-orang yang lebih mengenali Allah dan lebih teguh i'tiqad mereka kepada Allah. Oleh sebab itu, ilmu-ilmu sains tentang alam tabi'i menjadi salah satu jalan yang hampir untuk ma'rifatullah. Inilah yang diisyaratkan oleh Al-Qur 'anul-Karim:

Ertinya:

Tidakkah kamu melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit lalu Kami keluarkan dengan itu buah-buahan yang beraneka macam jenisnya. Dan di antara bukit-bukit itu ada garis-garis putih dan mereka yang beraneka macam warnanya dan ada (pula) yang hitam pekat. Dan demikian (pula) di antara manusia, binatang-binatang melata dan binatang-binatang ternak ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hambanya, hanyalah ulama. (Fatir: 27-28)

Segala yang diterangkan di atas telah menjadi akas atau terbalik mengikut pendapat dan sangkaan orang-orang yang telah terpedaya dan tertipu dengan kulit-kulit ilmu pengetahuan, dan kata-kata kosong yang diterimanya dari golongan mulhid dari zaman yang telah berlalu dan telah habis masanya. Di bawah ini diperturunkan sebahagian daripada pendapat pakar-pakar kajian alam yang menerangkan tentang keimanan kepada Allah Rabbil 'Alamin:

Descartes (1597-1650), ahli falsafah Perancis yang terkenal berkata: Di samping saya merasa kekurangan diri, pada ketika itu juga saya merasa adanya satu zat yang sempurna yang menyebabkan saya terpaksa beri'tiqad bahawa perasaan ini telah ditanam di dalam diri saya oleh zat yang lengkap yang berhias dengan sekalian sifat kesempurnaan, iaitulah "Tuhan".

Isaac Newton (1642-1727), ahli falsafah dan pakar sains British pula berkata: "Jangan kamu syak tentang Tuhan Al-Khaliq kerana tentulah tidak masuk akal bahawa undang-undang alam ini berlaku dengan cara kebetulan begitu sahaja".

Sementara Harzel pula berkata: "Semakin luasnya medan ilmu pengetahuan, makin bertambahlah pula dalil-dalil yang kuat tentang wujudnya Tuhan Al-Khaliq yang Azali, yang tidak ada batas dan kesudahan bagi qudratNya. Oleh sebab itu ahli-ahli geology, ahli-ahli sains, ahli-ahli astronomy dan ahli-ahli physics telah bantu membantu dalam usaha membina mahligai ilmu pengetahuan iaitulah kota mahligai kebesaran Allah Yang Maha Esa".

Herbert Spencer (1820-1903), ahli falsafah Inggeris juga menggambarkan keadaan ini dalam tulisannya mengenai pendidikan di mana beliau berkata: "Sains menentang segala khurafat, tetapi tidak menentang agama itu sendiri. Dalam banyak ilmu tabi'i yang tersebar sekarang ini terdapat roh atau semangat tidak mempercayai Tuhan, tetapi sains yang benar yang telah mengatasi ilmu-ilmu yang mendatar, yang mendalami dasar fakta-fakta ilmiah adalah bersih dan bebas dan semangat yang tersebut itu. Ilmu tabi'i atau physics sebenarnya tidak menolak agama, tetapi penumpuan kepada ilmu tabi'i itu merupakan suatu ibadat tersembunyi dan juga sebagai pengakuan tersembunyi terhadap nilai benda-benda yang kita kaji selidik dengan susah payah itu, bahkan juga

terhadap kekuasaan Tuhan yang menciptakannya itu. Penumpuan ini bukanlah tasbih secara lisan, malah ianya merupakan tasbih secara praktikal, bukan juga sebagai penghormatan secara pengakuan, tetapi penghormatan yang melahirkan buah pengorbanan masa dan pemikiran serta perbuatan, ilmu sains dalam amalannya tidak melalui jalan paksaan untuk memberi kefahaman kepada manusia bagi mencapai keadaan sebab pertama iaitu "Allah." tetapi penyusun program kepada kita dengan program yang terang dalam usaha memberi kefahaman kepada kita supaya mengetahui keadaan-keadaannya meliputi seluruh batas yang tidak mampu untuk melintasinya. Kemudian ilmu ini tegap bersama-sama kita dengan lemah lembut dan santun di akhir batas kajian yang kita buat itu. Kemudian selepas itu ia memperlihatkan kepada kita suatu cara yang tidak pun sama dengan kecilnya bentuk akal manusia menghadapi fikiran yang tidak dapat dicapai oleh akal.

Kemudian ia membawa beberapa contoh, katanya:

Seorang sarjana yang melihat setitik air, ia mengetahui air itu tersusun daripada dua unsur iaitu oksigen dan hidrogen dengan nisbah atau kadar yang tertentu yang mana jika nisbah itu tidak seimbang ia akan menjadi bahan yang lain, bukan lagi sebagai air. Dengan pengetahuan itu, pastilah sarjana itu akan beri'tiqad dan mempercayai akan keagungan Tuhan Al-Khaliq, QudratNya, HikmatNya, dan ilmuNya Yang Maha luas. Tentulah iktikad atau kepercayaannya itu lebih kuat daripada i'tiqad seorang yang bukan sarjana atau ahli tabi'i yang hanya memandangi setitik air itu sahaja. Begitu juga seorang sarjana yang melihat seketul air batu (ketulan kecil air batu yang turun ketika hujan) yang mengandungi keindahan bentuk geometri dan halusnya bentuk padunya, tak syak lagi ia dapat merasa akan keindahan Tuhan Al-Khaliq yang menciptanya itu, dan betapa halus hikmatnya. Tentulah ia lebih banyak mendapat kefahaman dibandingkan dengan seorang yang tidak mengetahui tentangnya, selain daripada ia itu hanya air hujan yang telah beku kerana terlampau sejuk.

Keterbatasan Akal Manusia

Ahli-ahli fikir dan cerdas pandai sepakat mengatakan bidang pemikiran dan akal manusia itu amat terbatas untuk menjangkau semua hakikat benda-benda yang dapat dirasa oleh pancaindera, apa lagi tentang tenaga dan benda-benda yang tidak termasuk di bawah jangkauan indera manusia, meskipun usaha penyelidikan dan kajian terus menerus dilakukan yang memang merupakan tugas dan kerja penting para sarjana yang tidak terpisah dari bidang profesyennya itu, akan tetapi oleh kerana akal itu terbatas, tidaklah dapat dicapai segala data dan sifat-sifatnya yang tertentu. Adapun mengenai benda-benda abstrak, belum pun lagi dapat dicapai oleh skop pencapaian penyelidikan

manusia, dan mengikut pakar-pakar ilmu, banyak lagi benda-benda yang tak akan dapat dicapai oleh kajian sarjana-sarjana. Makin bersungguh dalam usaha penyelidikan untuk mencapai natijahnya, makin bertambah sulit hakikat benda-benda itu untuk diselesaikan. Oleh yang demikian maka sebahagian daripada sifat-sifatnya itu masih terbiar tidak terolah.

Akal manusia belum pun dapat menemui hakikat unsur-unsur, makin bertambah mendalam kajian di sebalik hakikatnya, makin bertambah komplikatednya sehingga menambahkan lagi kejahilnya tentang benda itu. Setelah berdepan dengan satu unsur dalam kajiannya itu, tiba-tiba ia berdepan pula dengan dua unsur atau lebih yang memerlukan ia membuat kajian semula tentang benda itu, Katakanlah sebagai contohnya tentang tenaga alam yang terang nyata kesan-kesannya dalam kehidupan kita ini, pun masih banyak yang tidak diketahui hakikat-hakikatnya yang sebenar, umpamanya tenaga letrik, tarikan besi berani, zar ether, daya graviti dan lain-lain lagi nama-nama, kata-kata andaian-andaian dan istilah-istilah ilmiah yang telah direka oleh fikiran manusia sebagai usaha untuk berselindung di sebalik kejahilannya itu. Allah Ta'ala berfirman:

Ertinya:

Dan tidaklah kamu diberi ilmu melainkan sedikit.

(Al-Isra': 58)

Seluruh ahli fikir sekata bahawa kelemahan akal untuk mengetahui keadaan hakikat benda-benda atau kerana tidak mengetahuinya itu, bukan bererti benda-benda itu tidak ada, atau terlindung, tetapi sebenarnya ia jelas dan nyata, dapat dilihat kesan-kesan dan sifat-sifatnya yang tersembunyi mengandungi berbagai-bagai rahsia yang halus dan rapi sekali keadaannya.

Memang fitrah manusia itu sebenarnya sentiasa mendorong manusia selama-lamanya untuk mengenal "ALLAH". Segala fenomena alam ini dan segala benda yang ada di dalamnya termasuk diri manusia itu sendiri, adalah menjadi dalil kewujudan Allah dan kebesarannya. Akal manusia sekali-kali tidak dapat mengingkarinya. Dalil kewujudan Allah itu memang jelas dan terang. Sebenarnya hati manusia apabila bersih dan bersinar, ia akan dapat merasai hakikat kelazatan iman dengan "Allah". Pernah ditanya salah seorang Al-'Arifin tentang dalil-dalil yang meyakinkannya beriman kepada Allah, lalu ia tersenyum sambil berkata: "Hari apabila menjelang pagi, tidak perlu lagi kepada lampu, bilakah hari siang itu memerlukan sesuatu tanda?"

Keterbatasan akal manusia untuk mendapatkan hakikat zat Tuhan Al-Khaliq dan sifat-sifatNya, juga terbatasnya pancaindera manusia untuk sampai kepada sesuatu yang berhubung dengan zat Allah, bukanlah bererti Tuhan itu

tidak ada, boleh dinafi dan boleh diingkarkan. Sebagaimana akal dan pancaindera manusia itu telah menyerah kepada kuasa yang ada pada benda-benda alam yang tidak dapat diketahui akan hakikatnya, maka sepatutnya ia juga wajib menyerah kepada Tuhan yang menjadi "kuasa" yang tersebut itu dan menyerah diri kepadanya.

Allah berfirman:

Ertinya:

Kita disuruh agar menyerahkan diri kepada Tuhan semesta alam.

(Al-An'am: 71).

Manakah Satu Jalan Yang Lebih Baik?

Adapun tuduhan yang mengatakan aqidah ketuhanan itu telah membawa kesan negatif terhadap masyarakat, itu adalah suatu tuduhan yang tidak berasas sama sekali. Tuduhan ini tidak dikeluarkan melainkan oleh si jahil dengan sejarah perkembangan manusia atau orang yang takabbur menyombong dalam kebenaran tanpa sesuatu dalil dan bukti.

Sebenarnya kerosakan-kerosakan yang mereka sebutkan itu tidaklah berlaku kecuali ketika manusia telah meninggalkan aqidah ketuhanan, atau mereka beriman tetapi tidak mengikut jalan yang sebenarnya. Obat yang paling mujarab untuk mengubati kerosakan itu ialah iman dan ilmu pengetahuan, bukannya dengan ingkar dan kufur.

Intisari keimanan orang-orang yang beriman kepada Allah s.w.t. yang sebenar ialah mereka penuh yakin bahawa Tuhan Yang Maha Esa itu wajib ada, bersifat dengan semua sifat kesempurnaan, suci bersih daripada segala sifat kekurangan, tidak ada ilmu yang lebih luas daripada ilmuNya, tiada qudrat yang lebih besar daripada qudratNya, dan tidak ada kesempurnaan yang lebih mulia daripada kesempurnaanNya. Ia sentiasa berada bersama-sama mereka walau di mana sahaja mereka berada. Ia melihat dan mendengar, tetap mengira setiap apa yang mereka kata dan apa-apa yang mereka kerjakan. Ia telah memerintahkan mereka dengan semua perkara yang baik untuk diri mereka dan juga untuk orang lain. Ia menegah mereka dan semua perkara yang jahat bagi diri mereka dan juga orang lain. Mereka mengenali Allah; dan hubungan roh-roh mereka denganNya ialah sebenar-benar kebahagiaan dan sebesar-besar kejayaan, juga itulah ni'mat yang berkekalan.

Iman sebagaimana yang telah digambarkan itulah sahaja yang menjadi rahsia hidupnya hati nurani manusia, jaga dan sedarnya perasaan lahir dan batin, menjadi tonggak akhlak dan sumber sifat keutamaan manusia. Dan iman

inilah sahaja terpancarnya sifat-sifat manusia yang bercorak kemasyarakatan yang paling sempurna seperti sifat mengutamakan orang lain daripada diri sendiri, suka berkorban, cinta kasih, belas kasihan, membalas budi, tolong menolong dalam perkara kebajikan dan takwa, sanggup memikul kesusahan jihad, membelanjakan harta benda demi kepentingan jalan yang benar dan kebajikan, serta mengakui dan sentiasa memperkembangkan contoh-contoh utama di bumi Allah ini.

Seseorang individu itu tidak akan betul perjalanan hidupnya tanpa hati nurani yang hidup, tanpa perasaan batin yang bersinar-sinar; dan mustahil sesuatu umat itu akan bangkit dan maju tanpa sifat cinta kasih, bantu membantu, membelanjakan tenaga dan harta benda, mengutamakan kepentingan orang lain, suka berkorban dan meneruskan jihad.

Apabila iman itu telah lenyap, turut lenyaplah segala kelebihan yang tersebut itu, dan masyarakat itu akan terbalik, masyarakat manusia menjadi masyarakat haiwan dan binatang buas yang hidup saling bercakaran, yang satu memakan yang lain. Sebagai contohnya keadaan simpang perenang sudah terbukti dalam sejarah seluruh umat manusia, baik zaman purba mau pun zaman moden ini.

Dalam sejarah umat manusia, tidak pernah terjadi suatu revolusi yang lebih besar, suatu reformasi yang lebih sempurna, tamadun yang lebih kekal dan abadi selain daripada revolusi-revolusi, pembaharuan-pembaharuan dan tamadun-tamadun yang telah terbina di atas prinsip-prinsip dan dasar yang dibawa oleh para Anbiya' yang agung seperti Nabi Musa, Nabi Isa dan Nabi Muhammad alaihimus salatu was salam.

Inti dan pati daripada prinsip-prinsip itu yang utama dan paling kukuhnya ialah "Iman Kepada Allah". Jadi, apakah yang dikehendaki oleh golongan atheist itu untuk mereka lakukan kepada diri mereka sendiri dan juga orang ramai?

Qada' Dan Qadar

Tuduhan yang mengatakan, beriman dengan qada' dan qadar Allah itu membawa kepada sikap bertawakkal yang mendorong kepada malas dan penyegan juga merupakan tuduhan yang tidak berasas dan tidak benar sama sekali. Sesungguhnya beriman kepada qada' dan qadar sebagaimana yang dibawa oleh agama-agama langit itu adalah diwajibkan ke atas orang-orang Mu'min supaya mereka beriman kepada aqibah dan natijah sesuatu peristiwa, bukannya beriman kepada sebab-sebab peristiwa itu. Orang-orang beriman

dituntut dan diwajibkan berusaha melaksanakan menyerahkan natijahnya kepada Allah, Pentadbir alam semesta Yang Maha Esa dan Maha Agung.

Dari apa yang kami bentangkan di atas, dapat disimpulkan bahawa aqidah atau percaya kepada qada' dan qadar itu adalah merupakan rahsia keagungan umat Islam di peringkat awal dahulu, kerana mereka telah berusaha dan melaksanakan perkara-perkara yang menjadi sebab sesuatu perkara dan mereka telah mencurahkan segenap tenaga mereka dalam mengerjakan sebab-sebab itu sebagai menyempurnakan perintah Allah s.w.t. Mereka tidak merasa kecewa bila menerima natijah-natijah yang berbahaya dan mendukacitakan, kerana mereka redha dengan qada' yang ditentukan Allah. Dengan itu mereka mendapat dua kemenangan: kejayaan dunia dan keredhaan Allah di akhirat, dengan keimanan ini setiap orang daripada mereka keluar berjihad di jalan Allah, tidak gentar menghadapi maut, ataupun maut menemui mereka. Perhatikan ucapan salah seorang daripada mereka:

Manakah ada hariku,
Dari maut yang aku lari,
Pada hari yang tidak ditakdirkan,
Atau pada hari yang telah ditakdirkan.

Pada hari yang tidak ditakdirkan,
Tidak ku takut kepada mati,
Pada hari yang telah ditakdirkan,
Tidak lagi terselamat meskipun berhati-hati.

Demikianlah dapat kita lihat semangat kepahlawanan, keberanian dan perjuangan yang tersemat di dalam dirinya, tertanam aqidah kepada qada' dan qadar sehingga tidak merasa takut walaupun dalam segala kekurangan kelengkapan. Mereka tetap mengambil peluang dan keluar ke medan perang menentang musuh.

Apa yang mengenai orang ramai kerana sikap bertawakkal membabi buta, dan malas itu sebenarnya kerana mereka percaya kepada aqidah qada' dan qadar yang menyeleweng: mereka beriman tentang sebab-sebab sesuatu lalu tidak bersedia dan berusaha, mereka lupa tentang aqibah dan natijah lalu mereka tidak redha dengan natijah yang mereka terima. Jadi kesalahan itu bukanlah kerana aqibah dan iman kepada qada' dan qadar, tetapi kerana fahaman yang terbalik.

Iman Kepada Allah ialah Ubat Penawar

Manusia yang kebingungan, menderita dan sesatbarat, tidak sekali-kali akan mendapat ubat-kelat dan petunjuk untuk membaiki keadaan yang parah itu, kecuali kembali hidup di bawah naungan aqidah dan iman kepada Allah. Tepat sekali pendapat seorang ahli falsafah Barat yang berkata: "Kalaulah andainya Allah itu tidak ada, tentulah wajib kita mengadakanNya", dan pada kesempatan yang lain ia berkata: "Wajib disumbatkan ke dalam penjara pengelola mana-mana sekolah yang cogan katanya: 'Di sini tidak diajarkan agama". Pengertian agama itu ialah "Iman kepada Allah". Apakah kiranya fajar akan menyinsing menyinari hati dan jiwa yang kebingungan, gelap gelita dan lesu itu dengan cahaya iman kepada Allah, dan akan terbit matahari ma'rifatnya membawa rasa panas yang nyaman dan cahayanya yang gilang gemilang?!

BAB III

AQIDAH KETUHANAN YANG SALAH DI KALANGAN UMAT-UMAT MANUSIA

Sikap Al-Qur'an Terhadap Aqidah Umat-Umat Yang Dahulu

Al-Qur'anul Karim diturunkan untuk menanamkan aqidah Ketuhanan (Iman Dengan Allah 'Azza wa Jalla) melalui cara yang baru kami sebutkan dalam huraian yang telah lepas. Untuk menanamkan aqidah ini, Al-Quran melalui jalan yang paling tepat dan mudah, begitu simple dan senang, malah lebih hampir dan sesuai dengan fitrah manusia sebagaimana yang telah diterangkan itu, jauh daripada cara memberat-berat dan berliku-liku. Bersekali dengan menanamkan aqidah ini Al-Qur'an juga membetulkan aqidah ketuhanan, menolak kesalahan-kesalahan dan kesilapan-kesilapan serta khurafat. Oleh sebab itu Al-Qur'an membentangkan kekeliruan umat-umat terdahulu dan kesalahan-kesalahan umat yang lampau dan menolak kekeliruan dan kesalahan-kesalahan itu dengan tolakan yang tidak terbalas dan amat jelas keadaannya. Ia memerangi perkara tersebut dengan kuat dan tegas sambil menutup pintu dan lubang-lubangnya dengan tutupan yang teguh kukuh, tidak membiarkannya merebak kembali.

Antara kesalahan dan kekeliruan aqidah umat yang lalu yang disentuh oleh Al-Quran ialah penyembahan berhala, kepercayaan berbilang tuhan, syirik, kepercayaan tuhan bapa dan tuhan anak, menuhankan manusia, binatang-binatang, pokok kayu, bintang-bintang dan lain-lain makhluk lagi. Kekeliruan ini berpunca daripada ceteknya tanggapan akal dan salah gambaran, di samping sifat keterlaluan mengagung-agung, cinta kasih, dan cuba hendak menjelmakan sifat-sifat dan hakikat ketuhanan dan perkara yang berhubungan dengannya dan cuba melahirkan tuhan dalam bentuk jisim atau tubuh badan yang boleh dicapai oleh indera. Kemudian disalahgunakan lambang-lambang dan fungsi indera itu sehingga hilang tujuan asalnya untuk mengenal Tuhan. Akhirnya sifat-sifat tersebut itu bertukar menjadi lambang-lambang yang disembah. Juga terjadinya kesilapan ini kerana salah memahami istilah-istilah dan kata-kata keagamaan sehingga mengubah makna dan tujuan yang dikehendaki oleh agama. Satu faktor lagi yang menyebabkan berlakunya kekeliruan ini ialah kerana terlalu memperdalamkan pemikiran dalam soal falsafah teori dan memperluaskan berbagai-bagai andaian akal tanpa dalil yang konkerit atau alasan yang jelas yang merawang-rawang dalam khayalan, yang sekali-kali tidak mampu untuk membersihkan kemahasucian Zat Allah Al-Khaliq Jalla wa'Ala dan sifat Al-

Hulul, Wahdah Al-Wujud, Al-Ittihad atau fahaman sesat yang lain-lain. Banyak umat manusia yang jatuh terjerumus ke dalam fahaman sesat ini kerana masing-masingnya terpengaruh dan meniru kepercayaan golongan lain.

Kaum Nabi Nuh

Al-Quranul-Karim menerangkan umat Nabi Nuh adalah menyembah berhala. Dalam Al-Qur'an tersebut antara berhala-hala itu ialah:

Wadd (ودد)	Berhala yang disembah oleh kabilah kalb (كلب) di Daumatul Jandal (دومة الجندل).
Suwa' (سواع)	Huzail (هذيل).
Yaghuth (يغوث)	Berhala yang disembah oleh puak Ghatif (غطف) dari suku Murad (مراد) di Jaraf (جرف)
Nasr (نسر)	laitu berhala yang disembah oleh puak Zil Kila' (ذى الكلاع) dari suku Himyar (حمير)

Menurut setengah ahli sejarah, berhala-berhala itu pada asalnya adalah merupakan patung orang-orang ternama dalam masyarakat zaman dahulu. Setelah mereka meninggal dunia, orang ramai telah membuat patung-patung mereka sebagai kenang-kenangan di atas jasa dan khidmat bakti mereka kepada masyarakat. Setelah lama masa berlalu, mereka lupa terhadap tujuan asal yang tersebut itu dan oleh jenerasi yang kemudian dianggapnya patung-patung ini sebagai tuhan lalu mereka menyembahnya. Mereka tidak lagi menyembah Allah. Kemudian Nabi Nuh alahis salam dibangkitkan untuk mengembalikan mereka itu kepada menyembah Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Agung, tetapi mereka itu tidak lagi menghiraukan seruannya dan tidak taat kepada suruhannya. Sebagai akibatnya Allah s.w.t. menurunkan siksaan sebagaimana firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Nuh berkata: "Ya Tuhanku, sesungguhnya mereka telah mendurhakai ku, dan telah mengikuti orang-orang yang harta dan anak-anaknya tidak menambah kepadanya melainkan kerugian. Dan melakukan tipu daya yang amat besar. Dan mereka berkata: "Jangan sekali-kali kamu meninggalkan (penyembahan) tuhan-tuhan kamu dan jangan pula sekali-kali kamu meninggalkan (penyembahan) wadd, dan jangan pula suwa',

yaghuth, ya'uuq dan nasr. Dan sesudahnya mereka telah menyesatkan kebanyakan (manusia); dan janganlah Engkau tambahkan bagi orang-orang yang zalim itu selain kesesatan. Disebabkan kesalahan-kesalahan mereka, mereka ditenggelamkan lalu dimasukkan ke neraka, maka mereka tidak mendapat penolong-penolong bagi mereka selain dari Allah.

(Nuh:21-25)

Umat Nabi Ibrahim

Al-Quranul-Karim juga menerangkan dan merakamkan kepada kita tentang keadaan umat Nabi Ibrahim iaitu mereka menyembah berhala, patung-patung, menyembah planet-planet dan bintang-bintang, matahari, bulan, malah juga manusia. Keadaan masyarakat yang demikian itu dapat difahami dan ayat-ayat Al-Qur'an dan juga sikap Nabi Ibrahim alaihis salam dalam menghadapi kaumnya. Penyembahan berhala sudah merupakan perkara yang tersebar meluas di kalangan masyarakat dan berakar umbi dengan kuatnya di kalangan mereka. Oleh sebab itu Nabi Ibrahim alaihis salam berdakwah dengan begitu gigih menyeru kaumnya kepada aqidah tauhid, aqidah yang mengesakan Allah, mengajak mereka ke arah kebenaran yang ia sendiri beriman denganNya dan ia disuruh menyampaikannya kepada orang ramai. Ia mengemukakan hujjah-hujjah dan keterangan yang jelas berdepan dengan kepercayaan mereka yang songsang dan palsu. Meskipun Nabi Ibrahim telah mengemukakan hujjah-hujjah yang kuat dan terang jelas, dengan cara yang lemah lembut dan baik kira bicara, namun mereka tidak menerimanya malah merasa berat dan serba salah lalu mereka mengadakan tipu muslihat dan cara untuk menyiksanya iaitu dengan membakarnya di dalam api. Antara mereka ada yang mencadangkan: "Bakarlah Ibrahim itu dan mohonlah pertolongan tuhan-tuhan kita, jika kamu benar-benar hendak bertindak" (Al-Anbiya': 68). Walaubagaimanapun, Allah telah menyelamatkan Nabi Ibrahim. Ia berfirman kepada api yang mereka sediakan itu supaya menjadi sejuk, firmanNya:

Ertinya:

Wahai api, jadilah kamu sejuk, dan keselamatan ke atas Ibrahim.

(Al-Anbiya'. 69)

Dalam Al-Qur'an disebutkan nama Nabi Ibrahim berserta ceritanya dalam dua puluh lima surah iaitu:

1. Surah Al-Baqarah (البقرة)
2. Surah Au 'Imran (آل عمران)
3. Surah An-Nisa' (النساء)
4. Surah Al-An'am (الأأنعام)
5. Surah At-Taubah (التوبة)

6. Surah Hud (هود)
7. Surah Yusuf (يوسف)
8. Surah Ibrahim (ابراهيم)
9. Surah Al- Hijr (الحجر)
10. Surah An-Nahl (النحل)
11. Surah Maryam (مريم)
12. Surah Al-Anbiya' (الانبياء)
13. Surah Al-Hajj (الحج)
14. Surah Asy-Syu'ara' (الشعراء)
15. Surah Al-Ankabut (العنكبوت)
16. Surah Al-Ahzab (الاحزاب)
17. Surah As-Safat (الصفات)
18. Surah Sad (ص)
19. Surah Asy-Syura (الشورى)
20. Surah Az-Zukhruf (الزحرف)
21. Surah Adz-Dzariyat (الذاريات)
22. Surah An-Najm (النجم)
23. Surah Al-Hadid (الحديد)
24. Surah Al-Mumtahanah (المتحنه)
25. Surah Al-A'la (الأعلى)

Dalam surah-surah ini diceritakan dengan berbagai-bagai gambaran, kadang-kadang dengan panjang lebar dan kadang-kadang secara ringkas sahaja. Antara yang paling indah gambarannya ialah tentang Nabi Ibrahim a.s. berhujjah dengan kaumnya berkenaan penyembahan berhala, bintang-bintang dan menuhankan manusia.

Dalam surah Al-Anbiya', mulai dari ayat 51 hingga ayat 71, mencakupi dua puluh ayat Allah s.w.t., menggambarkan dengan susunan yang indah dan menarik bagaimana Nabi Ibrahim a.s. berdebat dan mengemukakan hujjah-hujjah terhadap kaumnya mengenai penyembahan berhala, diterangkan bagaimana ia mengemukakan alasan-alasan sehingga dapat mengalahkan mereka dengan mencapai kemenangan yang gilang-gemilang. Begitu juga dalam surah Al-An'am ayat 75 hingga ayat 83 meliputi lapan ayat, Allah s.w.t. menggambarkan dengan gambaran yang seindah-indahnya tentang perdebatan dengan kaumnya mengenai penyembahan bintang-bintang dan bagaimana Allah s.w.t. telah mengurniakan kepadanya hujjah bagi mematahkan sikap mereka itu sehingga mereka tidak dapat menjawabnya.

Dalam surah Al-Baqarah dan ayat 258, Allah menerangkan perdebatan Nabi Ibrahim dengan Namrud yang mengaku jadi tuhan dengan begitu angkuh

dan sombong, diterangkan bagaimana ia mematahkan hujjah yang dikemukakan oleh Namrud, sehingga ia menjadi bungkam dan patah alasannya itu. Allah berfirman:

Ertinya:

Maka jadi bungkam si kafir itu, Allah tidak memberi pertunjuk kepada golongan yang zalim.

(Al - Baqarah: 258)

Dalam surah Maryam dari ayat 41 sampai ayat 50 juga merupakan gambaran yang indah. Allah s.w.t. menggambarkan dialog dan seruan Nabi Ibrahim terhadap ayahnya dengan mengemukakan hujjah-hujjah dan alasan-alasan yang kuat dan tepat, cara yang lemah lembut, tetapi tegas dalam mempertahankan kebenaran. Sebahagian ahil tafsir berpendapat bahawa "Azar" (آزر) yang tersebut dalam surah Al-An'am itu bukanlah nama bapa Nabi Ibrahim, tetapi nama salah sebuah patung mereka yang besar, yang mereka sembah. Nabi Ibrahim melarang ayahnya menyembah patung tersebut dengan katanya:

Ertinya:

Azar adakah engkau jadikan berhala-hala sebagai tuhan? Sesungguhnya aku melihat engkau dan kaum engkau di dalam kesesatan yang nyata.

(Al-An'am: 74)

Maksud ayat ini ialah: Hendaklah engkau tinggalkan Azar dan jangan lagi menyembahnya.

Setengah mufassirin pula berpendapat, orang yang ditujukan dalam ayat di atas bukanlah ayah Nabi Ibrahim, tetapi bapa saudaranya atau salah seorang kerabatnya yang dekat yang dianggapnya sebagai bapa. Kedua pendapat ini tidak begitu jauh dengan betul. Malah barangkali di sana ada suatu yang boleh memberatkan salah satunya yang betul. Terserah kepada Allah yang Maha Mengetahui manakah yang betul antara keduanya itu. Yang ada kaitan dengan kita dalam masalah ini ialah Nabi Ibrahiin dengan tegas memerangi penyembahan berhala-berhala dan patung-patung dengan cara yang kadang-kadangnya lembut dan kadang-kadang tegas dan keras, ia tidak membiarkan demikian itu dan tidak sekali-kali bertolak ansur walaupun terhadap orang yang paling dekat hubungan dengannya. Sikap Nabi Ibrahim ini dapat kita lihat dalam firman Allah Ta'ala pada surah Al-Mumtahanah, iaitu:

Ertinya:

Sesungguhnya adalah bagi kamu satu teladan yang baik pada Ibrahim dan orang-orang yang bersertanya ketika mereka berkata kepada kaum mereka: "Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu dan daripada apa-apa yang kamu sembah selain Allah. Kami ingkari kepada kamu, dan nyatalah permusuhan dan kebencian antara kami dan kamu selama-lamanya hingga kamu beriman semata-mata kepada Allah". Kecuali

perkataan Ibrahim kepada bapanya: "Sesungguhnya aku akan memohon keampunan bagimu tetapi aku tidak dapat mendapatkan untuk mu apa pun dari Allah". "Hai Tuhan kami! KepadaMulah kami berserah diri dan kepadaMulah kami bertaubat dan kepada Engkau kami kembali". (Al -Mumtahanah: 4)

Dan firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Dan permintaan ampun dari Ibrahim untuk bapanya, tidak lain hanyalah kerana suatu janji yang telah dijanjikannya kepada bapanya itu. Maka manakala jelas bagi Ibrahim bahawa bapanya itu adalah musuh Allah, maka Ibrahim berlepas diri daripadanya. Sesungguhnya Ibrahim adalah seorang yang sangat lemah lembut lagi penyantun. (At-Taubah. 114)

Dan firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Dan ia (Ibrahim) berkata: "Tidak kamu mengambil selain dari Allah beberapa berhala melainkan kerana kasih sayang antara kamu dalam kehidupan dunia, kemudian di hari kiamat nanti, sebahagian daripada kamu membenci sebahagian, dan sebahagian daripada kamu mengutuk sebahagian, dan tempat kembali kamu, ialah nuraka, dan tidak ada bagi kamu penolong-penolong. (Al-Ankabut: 25)

Dan sini, dalam ayat berikut ini Allah menerangkan agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim ialah agama hanif, agama yang lurus dan bersih dan segala bentuk syirik, dan diterangkan juga Nabi Ibrahim ialah seorang yang taat setia dan patuh kepada Allah mengikut agama hanif itu, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

Dalam surah An-Nahl:

Ertinya:

Sesungguhnya Ibrahim itu adalah seorang ikutan yang tunduk patuh kepada Allah lagi lurus, dan bukanlah ia dari golongan musyrikin. Yang berterima kasih kepada ni'mat-ni'matNya. Ia (Allah) memilihnya dan menunjukinya ke jalan yang lurus. (An-Nahl: 120-121)

Sempena keadaan inilah Nabi Ibrahim itu dianggap sebagai bapa bagi orang-orang Islam, iaitu orang-orang yang menyerahkan diri semata-mata kepada Allah dalam keadaan bersih dan suci dari segala bentuk syirik dan segala macam kekotorannya. Allah Ta'ala berfirman:

Ertinya:

Agama bapa kamu Ibrahim. Dia (Allah) telah menamai kamu orang-orang Islam dari dahulu, dan dalam Al-Qur'an ini, supaya Rasul itu menjadi saksi atas kamu dan supaya kamu menjadi saksi atas segenap manusia. (Al-Hajj: 78)

Allah s.w.t. menghendaki dengan perantaraan dakwah dan gerak kerja Nabi Ibrahim itu supaya manusia berpaling dari bentuk penyembahan berhala yang menyeleweng kepada sifat kemanusiaan yang betul. Oleh yang demikian Allah memerintah Nabi Ibrahim a.s. supaya membina kembali Ka'bah yang menjadi qiblat umat manusia dan meninggalkan tapak asas Baitillah supaya menjadi lambang perasaan manusia, baik secara individu maupun kemasyarakatan, juga menjadi lambang kesatuan ummah, keamanan dan ketakutan dan rasa gundah gulana, bukan sebagai lambang bagi sifat-sifat Tuhan Jalla wa'Ala dan juga af'alNya. Bagi memenuhi perintah itu, Nabi Ibrahim dan anaknya Ismail dengan ketaatan telah membina dan meninggalkan tapak asas Baitillah sambil berdoa dengan do'a yang mulia ini, yang terkandung di dalam inti tauhid yang murni, iaitu:

Ertinya:

Ya Tuhan Kami, jadikanlah kami berdua orang yang tunduk patuh kepada Engkau dan (jadikanlah) di antara anak cucu kami umat yang tunduk patuh kepada Engkau dan tunjukkanlah kepada kami cara-cara dan tempat-tempat ibadat haji kami, dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. Ya Tuhan kami, utuslah untuk mereka seorang Rasul dari kalangan mereka, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat engkau, dan mengajarkan kepada mereka al-Kitab (AlQur'an) dan hikmah serta mensucikan mereka. Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Tiada orang yang benci akan agama Nabi Ibrahim. Selain orang yang bodoh. Sesungguhnya telah Kami pilih Ibrahim itu di atas dunia dan adalah ia seorang yang soleh di negeri akhirat. Ingatlah ketika Tuhan berfirman kepadanya: "Islamiah engkau!" Jawabnya: Saya telah Islam bagi Tuhan sekalian Alam. (Al-Baqarah: 128-131)

Nabi Ibrahim dengan penuh harapan menjadikan Islam sebagai obor bagi keturunannya dan peninggalan yang abadi untuk cucu-cicitnya, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Dan ia (Ibrahim) menjadikan kalimat tauhid itu kalimat yang kekal pada keturunannya supaya mereka kembali kepada kalimat tauhid ini. (Az-Zukhruf: 28)

Dan firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Dan (ingatlah), ketika Ibrahim berkata: 'Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini (Mekkah), negeri yang aman, dan jauhkanlah aku beserta anak cucuku daripada menyembah berhala-berhala. (Ibrahim: 35)

Kaum Nabi Musa

A-Qur'an juga membentangkan kepada kita risalah Nabi Musa a.s. kepada Bani Israil dan juga kepada bangsa Mesir. Bangsa Mesir pada masa itu merupakan satu bangsa yang telah mencapai kemajuan dan tamadun yang tinggi dari segi ilmu pengetahuan, petunjuk dan cahaya, Agama asal bangsa Mesir bukanlah penyembahan berhala, tetapi agama tauhid sebagaimana yang dapat diketahui dalam banyak kitab-kitab dan kesan-kesan peninggalan mereka. Tetapi oleh kerana adanya pembaharuan keagamaan dan pengaruh faktor-faktor yang terjadi ke atas masyarakat dan ummah dalam aqidah kepercayaan mereka, agama tauhid itu tidak asli lagi. Agama tauhid yang murni itu bertukar menjadi agama menyembah berhala dalam berbagai-bagai bentuk. Mereka menyembah berhala, patung-patung, arca-arca, menyembah binatang seperti anak lembu, atau lainnya menyembah bintang-bintang, seperti matahari, menyembah raja-raja dan pemerintah-pemerintah yang bergelar Fir'aun, mereka menganggap semuanya itu sebagai tuhan atau seakan-akan tuhan. Penyelewengan ini kemudiannya berjangkit pula kepada Bani Israil dan kuat mempergaruhi jiwa mereka. Setelah mereka lihat tanda-tanda kebesaran dan mu'jizat-mu'jizat berlaku di tangan Nabi Musa, dan setelah mereka keluar dari bumi Mesir, terselamat dan tenggelam yang telah membinasakan Firaun dan tentera-tenteranya, alih-alih mereka mencadangkan kepada Nabi Musa supaya menjadikan tuhan untuk mereka. Hal ini terjadi sebaik saja mereka lihat sebahagian penyembah berhala sedang bertelut menyembah berhala sedangkan kaki mereka belum pun kering dan basah menyeberangi Laut Merah. Sikap ini diterangkan oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya:

Ertinya:

Dan kami seberangkan Bani Israil ke seberang lautan itu, maka setelah mereka sampai kepada suatu kaum yang tekun menyembah berhala mereka, Bani Israil berkata; "Hal Musa, buatlah untuk kami sebuah tuhan sebagaimana mereka mempunyai beberapa tuhan. Musa menjawab: "Sesungguhnya kamu ini adalah kaum yang jahil. "Sesungguhnya mereka itu akan dihancurkan kepercayaan yang dianutnya dan akan batal apa yang selalu mereka kerjakan. (Al-A'raf: 138-139)

Mereka telah memohon persetujuan Musa Saminiy untuk menyembah anak lembu, dan mereka menentang Nabi Harun yang menegah mereka dan berbuat demikian sebaik sahaja Nabi Musa meninggalkan mereka kerana bermunajat kepada Allah beberapa hari.

Allah s.w.t. berfirman:

Ertinya:

Dan kaum Musa, setelah Musa pergi (ke Bukit Tur), telah membuat daripada perhiasan mereka (emas) anak lembu yang bertubuh dan bersuara. Apakah mereka tidak mengetahui bahawa anak lembu itu tidak dapat bercakap dengan mereka dan tidak dapat menunjukkan jalan kepada mereka? Mereka menjadikannya (sebagai sembah) dan mereka adalah orang-orang yang zalim. (Al-A'raf. 148)

Tidak ada sebuah cerita yang disebut dalam berbagai-bagai surah Al-Qur'anul Karim sebagaimana banyaknya disebutkan cerita Nabi Musa ini. Cerita Nabi Musa disebutkan berulang kali dengan berbagai-bagai bentuk dan gaya. Ini ialah kerana di dalamnya itu banyak mengandungi pengajaran dan teladan serta ada hubungan dengan bangsa Mesir, bangsa yang telah lama membina tamadun manusia; dan begitu juga ada hubungan dengan Bani Israil yang merupakan bangsa yang telah lama menjadi sumber kemanusiaan sejak mereka wujud di alam ini hinggalah ke zaman sekarang. Meskipun mereka telah banyak menerima ni'mat dan kurniaan dan Allah, baik kebendaan maupun kerohanian, namun mereka tidak mensyukuri di atas ni'mat-ni'mat itu. Tetapi sebaliknya mereka menukarkannya dengan kekufuran, membawa umat mereka menemui kehancuran. "Bagi Allah segala urusan, dahulu dan akan datang!"

Al-Qur'an dengan panjang lebar menyebutkan dakwaan Fir'aun terhadap dirinya menjadi tuhan kepada kaumnya, firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Tetapi ia (Fir'aun) mendustakan dan mendurhaka. Maka dia mengumpulkan (pembesar-pembesarnya) lalu berseru memanggil kaumnya. Maka ia berkata: "Akulah tuhan kamu yang paling tinggi". Maka Allah mengazabkannya dengan azab akhirat dan azab dunia. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat pelajaran bagi orang yang takut. (kepada Tuhannya) (An-Nazi'at: 22-26)

Diterangkan juga tentang perdebatan Nabi Musa dengan Fir'aun dalam beberapa surah. Antara yang paling indah, menarik dan lengkap meskipun ringkas ialah gambaran yang tersunting di dalam surah AsySyu'ara', dari ayat 23 hingga 51.

Tugas penting Nabi Musa bukan sahaja dari segi keagamaan semata-mata iaitu memerangi penyembahan berhala, tetapi juga menegakkan kedudukan politik iaitu membebaskan Bani Israil. Nabi Musa telah mencapai kejayaan besar dalam bidang politik, tetapi dalam bidang keagamaan tidak mendapat sambutan dari kaumnya, walaupun Allah telah mengambil tindakan tegas terhadap orang-

orang yang tidak beriman, di mana Fir'aun dan orang-orangnya telah terkorban dengan keadaan yang dahsyat sekali, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Dan Kami telah hancurkan apa-apa yang dibuat oleh Fir'aun dan kaumnya dan apa-apa yang mereka dirikan. (Al-A'raf: 137)

Kaum Nabi Ilyas

Antara cerita yang ada hubungan dengan kisah Bani Israil yang tersebut di dalam Al-Qur'an ialah kisah Nabi Ilyas a.s. bersama kaumnya. Mereka juga menyembah berhala yang dipanggil "Ba'al (**بعل**)", tidak menyembah Allah. Mereka tinggal di sekitar kota Ba'labakka (**بعلبك**), sebuah kota yang dinisbahkan kepada nama berhala tersebut dan kepada perkataan "Bak" (**بك**), ertinya rumah Ba'al. Ahli sejarah tidak sependapat mengenai Ba'al itu. Ada yang mengatakan Ba'al itu ialah sebuah berhala, sebahagian yang lain mengatakan nama seorang perempuan dan ada pula yang mengatakan nama benda lain. Walau kepada apa pun ia dinisbahkan, adalah tugas penting Nabi Ilyas a.s. ialah menyeru mereka supaya menyembah Allah dan melarang mereka dan menyembah berhala Ba'al itu. Hal ini diterangkan dalam Al-Qur'an, firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Dan sesungguhnya Ilyas itu termasuk salah seorang rasul-rasul. (Ingatlah) ketika ia berkata kepada kaumnya: "Mengapa kamu tidak bertakwa? Patutkah kamu menyembah Ba'al dan kamu tinggalkan sebaik-baik Pencipta. (Iaitu) Allah Tuhan mu dan Tuhan bapak-bapak kamu yang terdahulu?" Maka mereka mendustakannya, kerana itu mereka akan diseret (ke neraka), Kecuali hamba-hamba Allah yang dibersihkan. (As-Safaat: 123-128)

Pernyataan ini ada hubungan dengan kisah Bani Israil, kerana kaum Nabi Ilyas adalah cabang daripada Bani Israil, sedang Nabi Ilyas itu ialah salah seorang rasul Bani Israil yang diutuskan selepas Nabi Musa a. s.

Penyembahan Berhala di Tanah Arab

Agama yang tersebar luas di Jazirah al-Arab khususnya di Kota Makkah dan kawasan-kawasan sekitarnya ialah agama Ibrahim yang dipanggil Agama Hanif. Agama ini tersebar sejak Nabi Ibrahim membina Ka'bah dan menyeru orang ramai supaya menyembah Allah; dan sejak Nabi Ismail tinggal menetap di destinasi tersebut dan Nabi Ismail dianggap sebagai bapa bangsa Arab Musta'ribah. Tetapi kemudiannya, lama-kelamaan bangsa Arab menerima nasib

yang sama dengan bangsa-bangsa lain iaitu mereka telah dijangkiti oleh penyembahan berhala.

Al-Kalbiy menulis dalam kitabnya, Al-Asnam (الأصنام) (berhala-berhala) di mana beliau menerangkan: "Antara yang membawa bangsa Arab menyembah berhala dan patung-patung atau batu-batu adalah bermula dari orang-orang yang berpindah dari Makkah: Bila seseorang itu berpindah, ia membawa balik batu dari tanah Suci Makkah sebagai menghormati dan memuliakan Tanah Haram Makkah dan rindu kepada Makkah. Di mana sahaja mereka tinggal, mereka letakkan batu itu dan tawaf mengelilinginya sepertilah mereka tawaf mengelilingi Ka'bah sebagai tanda penghormatan, rindu dan kasih sayang terhadap Makkah. Walaupun begitu, mereka masih meneruskan pemergian ke Makkah mengerjakan Haji dan Umrah dan memuliakan Ka'bah dan Makkah sesuai dengan ajaran yang mereka warithi dan Nabi Ibrahim dan Ismail a.s. Tetapi kemudiannya mereka telah menyelewing dan terjerumus kepada menyembah apa yang mereka kasih dan cinta, lupa kepada ajaran sebenar yang mereka warithi itu, agama Nabi Ibrahim dan Ismail telah bertukar dengan agama lain. Mereka mulai menyembah berhala sebagaimana umat-umat yang terdahulu daripada mereka. Mereka ambil penyembahan kaum Nabi Nuh dan apa yang masih mereka ingat sebagai warisan di kalangan mereka dan mereka amalkan juga sisa-sisa peninggalan ajaran Nabi Ibrahim dan Ismail dengan mengamalkan ibadat-ibadat seperti memuliakan Baitillah dan tawaf mengelilinginya. Orang yang pertama mengubah agama Nabi Ismail a.s. ialah 'Amr bin Rabi'ah bin Lahy Abu Khuza'ah (عمرو بن ربيعة بن لحي أبو خزاعة). Pada satu ketika ia jatuh sakit teruk. Ada orang menceritakan kepadanya, di daerah Balqa' (بلقاء), ada sebuah telaga air panas. Dikatakan kepadanya: "Jika engkau datang ke sana dan mandi dengan telaga air telaga itu, engkau akan sembuh". Mendengar cerita itu iapun pergi ke sana dan mandi dengan air telaga itu, tiba-tiba penyakitnya sembuh. Ia dapati penduduk kota itu menyembah berhala. Melihat itu 'Amr bertanya: "Untuk apakah berhala ini". Mereka menjawab: "Dengan berhala inilah kami memohon hujan dan memohon bantuan untuk mengalahkan musuh". 'Amr meminta supaya salah sebuah patung itu diberikan kepadanya. Patung itu diberikan kepadanya, dan ia membawanya pulang ke Makkah dan diletakkannya di samping Ka'bah".

Berhala-berhala dan patung-patung yang disembah oleh bangsa Arab dan qabilah-qabilahnya sangatlah banyak. Kadang-kadang setiap qabilah itu mempunyai berhala sendiri di rumahnya. Sebahagian berhala-berhala itu diperbuatnya daripada batu, kayu, pohon kayu, atau buah tamar. Mungkin bagi satu-satu qabilah itu ada sebuah berhala atau banyak berhala. Di samping adanya berhala-berhala pusat yang dipuja, disembah dan dihormati oleh setiap qabilah atau oleh majoniti kaum itu. Antara berhala-berhala itu ialah:

1. Manat (مناة)

Manat ialah berhala tertua bagi bahasa Arab. Sesuai dengan taraf penyembahannya, orang-orang Arab menghubungkan namanya dengan nama seseorang, seperti "Abd. Manat", atau "Zaid Manat". Berhala ini terletak di pinggir Laut Merah, di sebelah Musyallal (مِشَلَل) dalam daerah Qadid (قَدِيد), antara Kota Madinah dan Kota Mekkah. Seluruh Bangsa Arab membesar dan memujanya. Mereka menyembelih qurban di sekitarnya serta menghadiahkan qurban itu kepadanya. Tetapi suku Aus (أَوْس) dan khazraj (خَزْرَج) adalah yang paling banyak memberi penghormatan kepadanya. Mereka tidak mencukur rambut apabila selesai mengerjakan Haji dan juga tidak bertahallul (تَحَلُّل) dan Ihram Haji kecuali di samping Manat. Mereka anggap perbuatan yang demikian itu termasuk kesempurnaan Haji. Salah seorang penyair Arab pernah bermadah menggambarkan status berhala Manat, katanya:

Aku bersumpah setulus hati,
Dengan kebesaran Manat terpuji,
Di tempat keluarga suku Khazraji.

Bangsa Arab menamakan suku Aus dan Khazraj kedua-duanya itu dengan Khazraj sahaja.

2. Al-Lata (اللات)

Al-Lata ialah berhala yang terletak di daerah Ta'if. Ia lebih muda daripada berhala manat, iaitu sebuah batu pejal berbentuk empat persegi. Pada mulanya ada seorang lelaki Yuhudi menumbuk atau melumat (yalutt- يَلُت) gandum di sisinya. Sempena perbuatan itulah ia dinamakan al-Lata (اللات) "Pelumatan". Yang bertanggung jawab menjaganya ialah dari suku Thaqif Bani 'Utab bin Malik (ثَقِيب بنوعتاب بن مالك). Mereka membina sebuah bangunan di situ. Suku Quraisy dan bangsa Arab seluruhnya membesar dan memujanya. Mereka cantumkan nama Al-Lata dengan nama seseorang, seperti Zaid Lata, Abdul Al-Lata. Seorang penyair bernama Amr bin al-Jaid (عمرو بن الجعيد) pernah menyebut Lata di dalam syairnya, di mana ia bermadah:

Tidakku hulurkan piala,
Berbosa arak,
Kepada yang tidak percaya kepada Lata.

Setelah pembukaan Kota Mekkah dan suku Thaqif telah masuk Islam, Rasulullah s.a.w. menghantar Abu Sufyan bin Harb dan Al-Mughirah bin Syu'bah (الْمُغِيرَة بن شعبه) meruntuhkan berhala Lata dan menghapuskan kesannya.

3. Al-'Uzza

Berhala 'Uzza lebih baru dari berhala Lata dan Manat. Yang menyembah berhala ini ialah Zalim bin As'ad (**ظالم بن أسعد**). Berhala ini terletak di sebuah wadi Nakhlah negeri Syam yang dipanggil Harradh (**حراض**) berhadapan dengan daerah Ghamr (**غمير**) di sebelah kanan jalan menuju ke Irak dari Makkah, selepas Zat 'Irq (**ذات عرق**). 'Uzza ini adalah berhala yang paling besar dan dihormati oleh orang-orang Quraisy. Mereka sentiasa menziarahinya dengan membawa persembahan-persembahan kepadanya, mengadakan sembelihan-sembelihan di sisinya. 'Uzza juga dicantumkan dengan nama seseorang. Kepada 'Uzza inilah nama Abu Lahab dinisbahkan iaitu Abdul 'Uzza bin Abdul Muttalib. Orang-orang Quraisy apabila tawaf di Ka'bah, mereka membaca:

Ertinya:

Demi Lata dan 'Uzza, serta Manat satu lagi berhala ketiga, mereka itulah Gharaniq berhala tertinggi, dan syufaat mereka tetap akan diharapkan.

Bagi berhala 'Uzza ini ada sebuah tempat penyembelihan di mana qurban disembelih sebagai hadiah kepada 'Uzza. Tempat sembelihan itu dipanggil Ghabghab (**غابغاب**). Mengenai ini seorang penyair dari suku Al-Huzal (**هذال**) pernah bermadah:

Kelihatan takut dan gerun,
Bertakhta di mata binatang qurban,
Ketika dituntun menuju ke Ghabghab 'Uzza,
Di situ diletak dan diqurbankan.

Penjaga berhala 'Uzza ini ialah Banu Syaiban bin Jabir bin Murrah (**بنو شيبان بن جابر بن مرة**) dari suku Salim. Berselisih pendapat ahli sejarah tentang batang tubuh 'Uzza itu, ada yang mengatakan batu pejal, ada yang mengatakan bangunan, ada yang mengatakan tiga batang pohon yang bertaut dan berjalin. Malah boleh jadi batu itu di atas tiga pokok di dalam bangunan itu.

Setelah pembukaan Kota Makkah, Rasulullah s.a.w. menghantar Khalid bin Al-Walid (**خالد بن الوليد**) R.'anhu lalu ia menghapuskannya sambil bermadah:

Wahai keagungan kekufuranmu,
Tidak ada kemahasucianmu,
Sungguh ku lihat Allah Tuhanku,
Dia telah menghinamu.

Orang-orang Arab menganggap ketiga-tiga berhala tersebut adalah anak perempuan Tuhan. Anggapan palsu ini ditolak oleh Al-Qur'an dengan firman Allah Ta'ala:

Ertinya:

Apakah patut kamu (orang-orang musyrik) menganggap Al-Lata dan Al-'Uzza. Dan Manat yang ketika, yang paling terkemudian (sebagai anak perempuan Allah)? Apakah (patut) untuk kamu (anak) lelaki dan untuk Allah (anak) perempuan? Yang demikian itu tentulah suatu pembahagian yang tidak adil. Itu tidak lain hanyalah nama-nama yang kamu dan bapa-bapa kamu mengada-ngadakannya; Allah tidak menurunkan suatu keterangan pun untuk (menyembahNya). Mereka tidak lain hanyalah mengikuti sangkaan-sangkaan, dan apa yang diinginkan oleh hawa nafsu mereka, dan sesungguhnya telah datang petunjuk kepada mereka dan Tuhan mereka. (An-Najm. 19-23)

Selain daripada berhala-hala tersebut, bangsa Arab mempunyai banyak lagi berhala-hala lain, antaranya:

Hubal	(هبل),
Isaf	(اساف),
Na'ilah	(نائلة),
Sa'ad	(سعد),
Zusy-Syara	(ذوالشرى),
Uqaisar	(أقيصر), dan
Zul Khalsah	(ذوالخالصة)

Antara cerita-cerita ganjil mengenai berhala, ada seorang Arab Badwi datang memohon petunjuk daripada berhala Zul Khalsah, iaitu sebuah berhala berupa batu putih terletak di Tubbalah (تباله), sebuah daerah antara Makkah dan Yaman, tentang keinginannya hendak membalas dendam terhadap kematian ayahnya. Ia mencabut bila undi tiba-tiba terkena bilah yang melarangnya dari menuntut bela. Hatinya naik radang lalu ia memukul muka berhala Khalsah dengan mangkuk-mangkuk undi sambil bermadah:

Kalaulah engkau wahai Khalsah,
Yang lesu tak bermaya,
Seperti keadaanku ingin membela,
Terhadap orang tua mu telah terbujur di liang kubur,
Takkan berani menegah aku,
Dan membunuh musuh yang celaka.

Sebahagian ahli sejarah mengatakan peristiwa ini dilakukan oleh Imra'ul Qais (امرأ القيس) ketika ia keluar hendak menuntut bela ke atas ayahnya bernama Hajar. Imra'ul Qais berkata kepada berhala tersebut: "Tuhan telah menghinamu.

Demi Allah, jika terjadi ke atas bapamu, tentulah engkau tidak berdiam diri untuk membelanya”.

Dan fakta-fakta sejarah yang ada di hadapan kita, ternyata orang-orang Arab tidak beriman dengan jelas dan mendalam kepada berhala-berhala itu. Kadang-kadang mereka menganggap berhala-berhala itu sebagai tuhan, dalam kesempatan yang lain mereka mengatakan berhala-berhala itu anak perempuan tuhan, sebagaimana yang kita lihat di atas. Ada pula yang mengatakan, orang-orang Arab menganggap berhala-berhala itu sebagai orang tengah atau perantaraan yang memberi syafaat, sebagaimana Al-Quran menceritakan:

Ertinya:

Kami tidak menyembah mereka (berhala-berhala) melainkan supaya mereka menghampirkan kami kepada Allah sehampir-hampirnya. (Az-Zumar: 3)

Atau mereka anggap berhala-berhala itu merupakan sekutu dalam ketuhanan, tetapi mereka tetap percaya kepada Allah Yang Maha Tinggi Yang Memiliki Kekuasaan Penuh sebagaimana ucapan dalam talbiah mereka ketika mengerjakan Haji:

Ertinya:

Kami menyahut seruan Mu Ya Allah! Kami menyahut seruan Mu, tiada sekutu bagi Mu, kecuali sekutu pembantu Mu, Kamu menguasainya, tetapi ia tidak menguasai.

Malah kadang-kadang mereka mengkafir atau menginkarinya serta menghina kedudukannya sebagaimana yang telah kita lihat dalam cerita Zulkhalsah di atas. Pendeknya mereka tidak mempunyai pegangan yang tegas terhadap berhaha-berhala.

Inilah kita dapati ramai daripada cendikiawan Arab pada masa itu tidak menyeru ke arah menyembah berhala seperti Zaid bin Nufail (زيد بن نوفيل), Umaiyyah bin Abi As-Salt (امية بن أبي الصلت), Qis bin Sa'idah (قيس بن ساعدة) dan lain-lain lagi dan mereka yang menganut agama Hanif yang menolak penyembahan berhala. Mereka sentiasa mencari hidayah dan petunjuk dalam kepercayaan-kepercayaan yang lain. Antara untaian syair yang dinisbahkan kepada Zaid bin Nufail, adalah bererti:

Aku menyisihkan diri dari Lata dan 'Uzza,
Begitu juga tindakan lelaki yang penuh sabar,
Aku tidak beragama kepada 'Uzza dan juga puteri-puterinya.
Tidakku kunjungi berhala Bani 'Amr,
Tetapi aku menyembah Ar-Rahman, Tuhanku,

Agar diampuni dosaku,
Dialah Tuhan Maha Pengampun.

Di antara mereka itu ada yang masih hidup sampai ke zaman Islam, tetapi tidak sempat memeluk Islam seperti Umaiyyah bin Abi As-Salt. Di antara mereka ada yang mendapat sanjungan dan pujian dari Rasulullah s.a.w. dan diberitahu kepadanya bahawa ia terselamat dan terlepas daripada api neraka seperti Waraqah bin Naufal dan Qis bin Sa'idah.